

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** Y.B. DATO' WIRA MOHD JOHARI BIN BAHAROM  
[ KUBANG PASU ]

**TARIKH :** 10.6.2014

**NO. SOALAN :**

**Dato' Wira Mohd Johari bin Baharom [ Kubang Pasu ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengenai PBS, apakah pihak Kerajaan yakin PBS mampu menggantikan UPSR dan PMR di dalam proses kecemerlangan pendidikan ke arah bertaraf global. Negara manakah pula yang menjadi model PBS bagi diimplementasikan di negara kita. Apakah jangkaan Kerajaan terhadap pencapaian yang bakal diterima melalui pelaksanaan PBS yang selama ini dilaksanakan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia dan Lembaga Peperiksaan Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, Penilaian Berasaskan Sekolah (PBS) direka bentuk selaras dengan dasar pentaksiran pendidikan yang bertujuan memberi maklumat tentang prestasi individu bagi memperkembangkan sepenuhnya potensi diri sebagai modal insan. PBS merupakan satu bentuk pentaksiran yang bersifat holistik iaitu menilai aspek kognitif, afektif, psikomotor dan sosial selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang memberi penekanan kepada aspek, Emosi, Rohani dan Intelektual (JERI). Selain itu PBS merupakan sistem pentaksiran yang akan digunakan bagi menjamin pencapaian seseorang murid tidak hanya dinilai berdasarkan peperiksaan semata-mata. Dalam membangunkan PBS, KPM merujuk kepada amalan negara yang telah berjaya melaksanakan PBS seperti Australia, Kanada dan New Zealand.

Kohort pertama yang menjalani PBS di peringkat menengah rendah akan menduduki ujian pencapaian berbentuk sumatif, iaitu PT3 pada Julai hingga Oktober 2014. Pelaporan PBS peringkat menengah rendah merangkumi 4 pelaporan Pelaporan Perkembangan Pembelajaran Murid, Pelaporan Pentaksiran Tingkatan 3, Pelaporan PAJSK dan Pelaporan Pentaksiran Psikometrik. Pelaporan sebegini memberi gambaran tentang kebolehan dan perkembangan potensi murid secara holistik. Pelaporan ini juga dapat membantu murid membuat keputusan yang lebih tepat dalam pemilihan aliran pendidikan di peringkat menengah atas.